

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

kosmo online
www.kosmo.com.my

Khamis
15.02.2024
5 Syaaban 1445

RM2
BIL: 40 TAHUN 19
PP19529/09/2019 (035123)

BANYAK MADU TIPU

**45 daripada 769 sampel
produk tidak patuh
peraturan makanan**

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL
dan SITI A'ISYAH SUKAIMI

PETALING JAYA – Banyak madu yang dijual di pasaran negara ini didapati tiruan yang boleh mengundang pelbagai penyakit, antaranya berpunca daripada kandungan gula tinggi dalam madu tersebut.

Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati, sebanyak 45 daripada 769 sampel produk madu pelbagai jenama yang diambil sejak tahun 2016 dan sehingga kini tidak mematuhi standard ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985.

KKM dalam satu kenyataan memberitahu, tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas syarikat serta produk terlibat.

• BERSAMBUNG DI MUKA 2



Jangan tertipu

GAMBAR fail menunjukkan penyelidik membuat ujian ketulenan madu di Institut Genom dan Vaksin Malaysia di Bangi, Selangor pada 15 Mei 2017.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Banyak madu tipu

DARI MUKA 1

Katanya, KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) sentiasa menjalankan pemantauan produk madu di pasaran bagi mengesan madu tiruan.

"Berdasarkan Peraturan 130, Peraturan-peraturan Makanan 1985, produk madu perlu mengikut standard ditetapkan.

"Antaranya mengandungi tidak kurang daripada 60 peratus gula penurunan, mempunyai kandungan sukrosa tidak lebih 10 peratus dan tidak boleh mengandungi *hydroxymethylfurfural* lebih daripada 80 mg/kg," katanya semalam.

Menurut kenyataan itu, Seksyen 13(2)(e) memperuntukkan tiada seseorang boleh menyediakan atau menjual sebarang makanan yang diadukikan jika tidak mematuhi standard atau spesifikasi ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta berkenaan.

KKM turut menegaskan jika individu itu melanggar peruntukan tersebut boleh dikenakan denda maksimum RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Dalam kenyataan sama, KKM memaklumkan sedang menjalankan kerjasama dengan Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Pertanian bagi menentukan ketulenan madu menggunakan teknik isotop sebagaimana disarankan standard makanan antarabangsa Codex.

Selain itu, KKM menawarkan



HANYA ujian di makmal boleh menentukan ketulenan madu lebah yang dibeli. - GAMBAR HIASAN

Skim Pensijilan Makanan Autentik bertujuan memberikan pengiktirafan terhadap produk makanan yang disahkan autentik atau tulen dan memenuhi kriteria ditetapkan dalam skim pensijilan berkenaan.

"Ini termasuklah produk madu, daging, kopi dan sarang burung walet. Sehingga kini, tujuh syarikat memperoleh pensijilan

autentik untuk produk madu daripada KKM," ujarnya.

Di negara ini, terdapat dua madu popular iaitu madu lebah dan madu kelulut.

Sementara itu, pengusaha dan penternak lebah, Muhammad Sallim Khan Not Rahman berkata, hanya melalui ujian makmal, pengguna boleh mengetahui madu itu asli atau tiruan kerana

sukar membezakannya.

Katanya, pengguna boleh menghantar sampel antaranya ke Institut Genom dan Vaksin Malaysia di Bangi, Selangor se-
rendah RM20 sahaja.

"Digalakkan hantar 20 gram madu kepada Genom. Ia hanya uji sama ada madu itu asli atau palsu. Kita nak tahu madu asli atau palsu sekadar lihat atau de-



KERATAN Kosmo! 15 Ogos 2016.

ria rasa dan bau memang tak dapat beza.

"Ada orang cakap, manis sangat sebab campur gula dan itu tak benar sebab ada madu memang manis sangat," katanya kepada Kosmo! semalam.

Beliau yang mengusahakan industri madu sejak 10 tahun lalu berkata, apabila madu itu ter-lalu cair, berbuih serta bergas, ia menunjukkan kandungan airnya tinggi.

"Apabila tinggi, berlaku fermentasi dan adanya yis yang menjadi tempat pembiakan bakteria. Kadar air yang tinggi tidak menepati piawaian ditetapkan.

"Piawaian madu lebah ini tidak lebih 20 peratus kandungan air, manakala madu kelulut pula 22 peratus," ujarnya.

Kosmo! Pada Ogos 2016 pernah melaporkan kira-kira 80 peratus madu lebah yang dijual diadapati palsu.

Ia terbukti apabila 14 daripada 15 sampel madu yang dibeli wartawan Kosmo! di beberapa lokasi popular menjual madu diadapati tidak tulen.

Antara risiko penyakit seperti diabetes, serangan jantung dan kanser hati yang berpunca daripada kandungan gula yang tinggi dalam madu berkenaan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Proses serahan Hospital Bachok dijangka Mei ini

TANAH MERAH – Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) menjangkakan proses serahan Hospital Bachok daripada Kementerian Kesihatan (KKM) dapat dilaksanakan Mei depan berdasarkan kepada perkembangan dan kemajuan projek tersebut ketika ini.

Pengarahnya, Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, operasi sesebuah hospital kebiasaannya akan dimulakan dalam tempoh sebulan atau dua bulan selepas serahan dijalankan.

"Melihat kepada perkembangan kerja di tapak pembinaan Hospital Bachok, ia mungkin dapat diserahkan kepada kita mengikut jadual sekiranya tiada sebarang masalah besar.

"Jadi, hospital itu akan mula beroperasi dalam tempoh sebu-



HOSPITAL Bachok yang terbengkalai selama tiga tahun dijangka memulakan operasinya pada tahun ini.

lah atau dua bulan selepas serahan.

"Kita juga telah menerima

sebahagian aset, manakala sebahagiannya lagi sedang dalam proses.

"Mengikut perancangan, kita akan menerima sebahagian besar aset yang ditempah pada Mei depan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Khatan Perdana Hospital Tanah Merah di sini semalam.

Mengulas lanjut, Zaini memberitahu, JKNK juga sudah menerima sebahagian penjawatan untuk Hospital Bachok, namun proses penerimaan secara fizikal masih belum dijalankan.

Menurutnya, KKM akan mula menghantar penjawatan fizikal selepas hospital berkenaan diserahkan kepada JKNK.

"Isu kelewatan serahan Hospital Bachok disebabkan oleh beberapa faktor termasuk kekurangan semasa Perintah Kawa-

lan Pergerakan (PKP) sepanjang dua tahun bermula Mac 2020," katanya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, Hospital Bachok yang terbengkalai sejak tiga tahun lalu dijangka beroperasi selewat-lewatnya Januari tahun ini.

Setakat Ogos tahun lalu, pembinaan projek hospital tersebut sudah mencapai 97 peratus dan ia dijangka siap sepenuhnya pada 27 Oktober lalu.

Media sebelum ini melaporkan, Hospital Bachok dijangka beroperasi sepenuhnya pada Disember 2023 atau selewat-lewatnya Januari tahun ini selepas hampir tiga tahun pembinaannya terbengkalai.

Operasi Hospital Bachok melibatkan aset bernilai RM15.3 juta dengan 500 kakitangan.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Kementerian teliti pinda Akta Peranti Perubatan

Kuching: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang meneliti cadangan untuk membuat sedikit pindaan terhadap akta berkaitan penjualan peranti perubatan menerusi platform e-dagang.

Timbalan Menteri, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata ia berikutan pihaknya menerima banyak cadangan daripada pemain industri berkaitan yang bimbang penjualan peranti perubatan yang memudaratkan.

Sehubungan itu, beliau, pihaknya akan membuat kajian berhubung pelbagai cadangan itu sebelum membawanya ke Parlimen.

"Kita menerima banyak cadangan supaya platform e-dagang menilai peranti perubatan yang ditawarkan secara dalam talian.

"Justeru, kita juga perlu membuat sedikit pindaan dalam Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737) berlandaskan cadangan yang diterima itu," katanya pada sidang media selepas Sesi Libat Urus Bersama Pemain Industri Peranti Perubatan Di Sarawak 2024 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) di sini, semalam.

Lukanisman berkata, antara cadangan diterima ialah menarik balik penjualan peranti perubatan yang tidak mempunyai kelulusan MDA di platform e-dagang.

"Pemain industri mencadangkan platform e-dagang seperti Tik Tok, Shopee dan Lazada supaya mempunyai satu mekanisme untuk menarik keluar semua iklan berkaitan peranti perubatan yang tidak mempunyai kelulusan MDA keluar daripada jualan di platform itu," katanya.

KKM guna kaedah isotop tentukan ketulenan madu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menawarkan Skim Pensijilan Makanan Autentik sebagai pengiktirafan terhadap produk makanan yang disahkan tulen dan memenuhi kriteria ditetapkan, termasuk bagi produk madu.

Selain madu, langkah dilakukan dengan kerjasama Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Pertanian bagi menentukan ketulenan produk menggunakan teknik terkini itu turut melibatkan daging, kopi dan sarang burung walit, sekali gus dapat menangani penjualan produk tidak mematuhi standard ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

KKM dalam kenyataan dikeluarkan semalam, berkata teknik terkini ialah dengan penggunaan kaedah isotop, iaitu antara variasi unsur kimia, seperti disarankan



Keratan BH
Selasa lalu.

standard makanan antarabangsa, Codex.

"Bagi produk madu, hingga kini, tujuh syarikat sudah memperoleh Pensijilan Makanan Autentik daripada KKM," katanya.

Sebelum ini, BH melaporkan industri madu negara, termasuk madu kelulut berdepan cabaran kehadiran produk tiruan yang didakwa mencecah 90 peratus.

Pensyarah Kanan Jabatan Neurosains, Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Universiti Sains

Malaysia (USM), Dr Mohd Zulfitri Mustafa, dilaporkan berkata, madu tiruan adalah cabaran terbesar dihadapi industri ketika ini.

Di Malaysia, madu diklasifikasikan berdasarkan spesies lebah yang menghasilkannya, iaitu madu dihasilkan lebah madu apis dorsata atau madu kelulut yang dihasilkan *stingless bee*.

Pada masa sama, KKM berkata, berdasarkan pemantauan pihaknya, sebanyak 45 atau 5.85 peratus sampel madu daripada 769 produk yang diperiksa sejak 2016 hingga kini tidak mematuhi standard ditetapkan mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Katanya, tindakan penguatkuasaan sudah diambil ke atas syarikat dan produk berkenaan melalui pemantauan dijalankan dalam Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM).

"Berdasarkan Peraturan 130, Peraturan-Peraturan Makanan 1985, produk madu perlu mengikut standard ditetapkan, termasuk mengandungi tidak kurang daripada 60 peratus gula penurunan.

"Selain itu, ia juga perlu mempunyai kandungan sukrosa tidak lebih daripada 10 peratus dan tidak boleh mengandungi hydroxymethylfurfural (HMF) lebih daripada 80 mg/kg," katanya.

Denda RM20,000, penjara

KKM berkata, Seksyen 13(2)(e) pula memperuntukkan tiada orangpun boleh menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang diadukkan jika tidak mematuhi standard atau spesifikasi ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat mengikut akta terbabit.

Katanya, mereka yang didapati

melanggar peruntukan ini dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna, maka mereka disaran membaca label dan memilih produk makanan yang mempunyai logo Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM) seperti Autentik, MeSTI, GMP dan HACCP daripada KKM.

"Sebarang kemusykilan berhubung isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan negeri terdekat atau melalui laman sesawang <http://moh.spab.gov.my> atau facebook Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) www.facebook.com/bkmmhq," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mendapati 45 daripada 769 sampel produk madu pelbagai jenama tidak mematuhi standard ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Makanan 1985.

Pada masa sama, tindakan penguatkuasaan sudah diambil terhadap syarikat dan produk terbabit.

KKM melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) sentiasa menjalankan pemantauan produk madu di pasaran dan 769 sampel produk

MADU TIRUAN DI PASARAN

45 daripada 769 sampel tak patuh standard

madu pelbagai jenama itu diambil sejak 2016 sehingga kini.

"Berdasarkan Peraturan 130, Peraturan-peraturan Makanan 1985, produk madu perlu mengikut standard yang ditetapkan antaranya mengandungi tidak kurang daripada 60 peratus gula penurunan, mempunyai kandungan sukrosa tidak lebih 10 pe-



LAPORAN muka depan Harian Metro, 13 Februari lalu.

"Seseorang yang didapati melanggar peruntukan ini apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya"

ratus dan tidak boleh mengandungi *hydroxymethylfurfural* lebih daripada 80 mg/kg," menurut KKM da-

lam kenyataan, semalam.

Kenyataan itu juga memaklumkan Seksyen 13(2)(e) memperuntukkan

tiada seseorang boleh menyediakan atau menjual sebarang makanan yang diadukkan jika tidak mematuhi standard atau spesifikasi ditetapkan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta terbabit.

"Seseorang yang didapati melanggar peruntukan ini apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Selain itu, KKM juga menjalankan kerjasama dengan Agensi Nuklear

Malaysia dan Jabatan Pertanian bagi menentukan ketulenan madu dengan menggunakan teknik isotop sebagaimana yang disarankan standard makanan antarabangsa Codex.

Di samping itu, KKM juga menawarkan Skim Pensijilan Makanan Autentik yang bertujuan memberikan pengiktirafan terhadap produk makanan yang disahkan autentik atau tulen serta memenuhi kriteria ditetapkan dalam skim pensijilan berkenaan.

"Ini termasuk produk madu, daging, kopi dan sarang burung walit. Sehingga kini, tujuh syarikat telah memperoleh pensijilan autentik untuk produk madu daripada KKM," menurut kenyataan itu. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : CETUSAN

Selepas rokok dan vape, timbul pula *energy stick*



ANALISIS
MUKA 16

ROSLIAWATY MD RAIEH

Ponteng sekolah, merokok, melawan guru, gangguan seksual, vape dan merempit adalah antara isu membabitkan pelajar yang hangat diperkatakan sama ada di akhbar-akhbar tempatan, forum, seminar pendidikan dan sebagainya.

Pelbagai langkah telah diambil bagi membendung masalah disiplin berkenaan namun ia seakan-akan tiada kesudahan sehinggalah dilihat semakin berleluasa dan sukar dikawal.

Terbaharu, timbul pula kewujudan *energy stick* iaitu produk penyedut hidung yang memberikan tenaga dan kesegaran kepada pengguna dan dijual secara terbuka serta berleluasa dengan harga serendah RM2.50 hingga RM10 sahaja.

Memetik perkongsian Public Health Malaysia di laman Facebook, *energy stick* bersaiz kecil, hanya sebesar pemetik api, berwarna-warni dan didatangkan dengan pelbagai perisa menarik.

Terdapat dua corong yang muat ke lubang hidung dan boleh di-sedut melalui hidung terus ke paru-paru.

Pengambilan produk yang menggunakan tag line 'sedut dahulu, baru pergi ke sekolah' atau 'sedut dulu, baru mulakan kerja' sama seperti pengambilan dadah melalui hidung atau *snorting* dan secara psikologinya sangat negatif kerana menggalakkan pengguna mencuba bahan lain termasuk dadah.

Bagi penulis, penularan *energy*

stick dalam kalangan pelajar hari ini sudah cukup menakutkan dan membebankan ibu bapa dan guru-guru.

Apa tidaknya, pemantauan demi pemantauan harus dilakukan sepanjang masa demi mengelakkan anak-anak terjebak dengan *energy stick*.

Tapi sampai bila nak pantau? Jika di rumah, bolehlah dimarah dan ditegur anak-anak ini. Tapi jika mereka berada di luar, bagaimana? Sekiranya pelajar ambil *energy stick*, adakah ibu bapa tahu? Aduh, sesak nafas dibuatnya jika memikirkan sesuatu yang sangat rumit.

Dalam konteks ini, penulis hanya terfikir agar pihak berkaitan mengambil langkah segera untuk menangani isu berkenaan daripada berterusan.

Carilah peniaga dengan segera. Bagi amaran atau ambil tindakan lanjut kepada mereka. Bukan mahu menghalang peniaga *energy stick* mencari rezeki sebaliknya kita mahu elak banyak risiko negatif jika jualan ini diteruskan.

Untuk makluman, pengambilan *energy stick* boleh menyebabkan pelbagai risiko kesihatan antaranya luka atau pendarahan dalam rongga hidung dan saluran pernafasan, merosakkan mukus dalam rongga hidung, alahan dan keracunan akibat gagal mengenal pasti bahan yang digunakan serta mudah tercemar dan boleh menyebabkan jangkitan.

Menguatkan lagi risiko buruk mengambil *energy stick*, Presiden Persatuan Ahli Farmasi Malaysia (MPS), Profesor Amrabi Buang berkata, produk itu sememangnya berbahaya untuk pelajar sekolah namun ia tetap giat dipromosikan oleh peniaga menerusi platform e-dagang.

Amrabi menggesa Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly

Ahmad mengambil tindakan pantas terhadap para penjual. Jika tidak cegah, ia pastinya akan mengakibatkan pengguna menjadi ketagih sehingga merisikokan kesihatan.

Dalam keresahan memikirkan nasib anak muda jika mengambil *energy stick*, penulis mula tertanya-tanya, apakah masyarakat boleh lakukan jika terserempak dengan pelajar menggunakan *energy stick* di tempat awam.

Adakah ada saluran tertentu yang boleh orang ramai buat aduan untuk menangani masalah ini.

Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Wong Kah Who, masyarakat boleh menyalurkan aduan mengenai penggunaan *energy stick* di laman web Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Katanya, aduan itu penting bagi memastikan Kementerian dapat mengambil langkah sewajarnya berhubung perkara tersebut sebelum keadaan menjadi lebih mudarat.

Bagaimanapun, KPM masih belum menerima sebarang aduan tentang perkara ini. Jika ada, mereka akan ambil tindakan tegas bagi memastikan kesihatan dan kebajikan pelajar terjamin.

Orang ramai khususnya pentadbiran setiap sekolah harus pantau dan jika berlaku sebarang kes, laporkan terus kepada KPM.

Pesan penulis, jauhilah *energy stick* dan jangan sesekali pasang niat untuk mencuba biarpun sekadar 'main-main'.

Sekali mendekati alat ini, selamlamanya anda akan ketagih sekali gus membahayakan diri sendiri.

* Rosliawaty Raieh ialah wartawan Sinar Bestari

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DALAM NEGERI

Tiga tahun terbengkalai, Hospital Bachok operasi Jun

TANAH MERAH: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) menjangkakan proses serahan Hospital Bachok daripada Kementerian Kesihatan (KKM) dapat dilaksanakan pada Mei ini berdasarkan kepada perkembangan dan kemajuan projek tersebut ketika ini.

Pengarahnya, Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, operasi sesebuah hospital kebiasaannya dimulakan dalam tempoh sebulan atau dua bulan selepas serahan dijalankan.

"Kita juga menerima sebahagian aset. Mengikut perancangan, JKNN menerima sebahagian besar aset yang ditempah pada Mei," katanya.

Zaini memberitahu, JKNN juga sudah menerima sebahagian jawatan untuk Hospital Bachok, namun proses penerimaan secara fizikal masih belum dijalankan.

Media sebelum ini melaporkan Hospital Bachok dijangka beroperasi sepenuhnya pada Disember 2023 atau selewat-lewatnya Januari lalu selepas hampir tiga tahun pembinaannya terbengkalai.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATIONAL

Ongoing checks on purity of honey

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has found that 45 out of 769 samples of honey of various brands failed to meet the standards outlined in the Food Regulations 1985, and enforcement measures have been initiated against the companies concerned.

Through the Food Safety and Quality Programme, the ministry constantly monitors honey sold in the market, and the 769 samples were collected since 2016.

"According to Regulation 130 of the Food Regulations 1985, honey (offered for sale) must meet specific standards, including containing not less than 60% of reducing sugars, having an apparent sucrose content of not more than 10% and not containing more than 80 mg/kg of hydroxymethylfurfural," it said in a statement.

According to Section 13(2)(e), it is prohibited to prepare or sell any mixed food that does not meet the standards or specifications established by regulations under the Act.

"Any individual found guilty of breaching this provision may face a fine of up to RM20,000, imprisonment of a maximum of five years, or both."

The ministry added that it was collaborating with the Malaysian Nuclear Agency and the Agriculture Department to test the purity of honey using the isotope technique, as recommended by Codex international food standards.

The ministry also provides an Authentic Food Certification Scheme designed to acknowledge food items certified as authentic and meeting the established criteria within the certification scheme.

This includes honey, meat, coffee and bird's nest. To date, seven companies have obtained authentic certification for their honey from the ministry. – Bernama